

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

Projek rintis gaji progresif Jun tahun depan - Rafizi

Projek rintis gaji progresif Jun tahun depan - Rafizi

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif akan dimulakan dengan projek rintis pada Jun tahun hadapan.

Menyatakan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, projek itu melibatkan 1,000 syarikat yang memenuhi syarat kelayakan melibatkan pekerja bergaji antara RM1,500 hingga RM4,999.

"Pemilihan syarikat akan dibuat secara telus berdasarkan prinsip kesaksamaan, tahap keperluan sektor dan sokongan dasar.

"Penilaian impak projek

ini akan dilaksanakan pada September 2024 untuk memastikan ketersediaan dasar sebelum dasar gaji progresif secara menyeluruh dilaksanakan kepada semua majikan dan ekonomi," katanya ketika waktunya pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) mengenai garis masa pelaksanaan gaji progresif.

Katanya, kertas putih Dasar Gaji Progresif akan dibentangkan di Parlimen pada Khamis ini.

"Dasar Gaji Progresif mempunyai tiga ciri asas iaitu

pelaksanaan secara sukarela, kerajaan memberikan insentif untuk menggalakkan majikan dan pekerja menyertainya dan ia mestilah terkait dengan produktiviti.

"Dengan tiga ciri ini, dasar ini akan menjadi pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu perintah gaji minimum dan sistem upah dikaitkan produktiviti dengan memperkenalkan campur tangan terus kerajaan dalam menetapkan gaji di syarikat terutama sektor formal dan swasta," katanya.

Katanya, dasar ini turut mendapat sokongan daripada

Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF).

"Maklum balas daripada Kongres Kesatuan Sekera Malaysia (MTUC) berharap kerajaan berhati-hati supaya kumpulan separa kemahiran yang berumur bekerja antara 10 hingga 15 tahun tidak dikecualikan atau dipinggirkan daripada pelaksanaan dasar ini.

"Mereka juga selalunya menghadapi masalah kenaikan gaji bukan semata-mata kumpulan graduan yang baru mula bekerja dan perkara itu diambil maklum dan dimasukkan dalam dasar ini," katanya.